



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB PUAN HANNAH YEOH

**TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SANTUNI OKU

12 JULAI 2019 (JUMAAT)

DI TASKA OKU (AUTISME) @ PUSAT AGAPE SIBU

12 JULAI 2019 (JUMAAT)

[SALUTASI] akan dikemaskini pada hari program.

Salam Sejahtera dan selamat pagi semua.

1. Saya amat berbangga kerana berpeluang untuk bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini. Ini adalah satu penghormatan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan diri saya sendiri untuk hadir serta berkumpul di sini bersama anda semua.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada Presiden Agape Centre, Sibu, Sarawak kerana menjemput saya untuk merasmikan acara yang sangat bermakna ini.
3. Tahniah saya ucapkan kepada Persatuan ini kerana mengambil langkah proaktif membantu Orang Kurang Upaya (OKU)

Pembelajaran dengan mewujudkan TASKA OKU, PDK dan bengkel di Agape Centre.

4. Saya difahamkan bahawa terdapat TASKA Autisme Sibul, Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti Sibul (PPDK Sibul), Methodist Care Centre, Olimpik Khas Sarawak Cawangan Sibul dan Klinik Memorial Kanak-Kanak Lau King.

KAD OKU PEMBELAJARAN MENGIKUT SUB KATEGORI

5. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM) melaksanakan pendaftaran OKU mengikut Seksyen 21 Akta Orang Kurang Upaya 2008. Sebelum ini Kad OKU dikeluarkan di bawah Kategori Masalah Pembelajaran.
6. Namun di atas permintaan ramai ibu bapa dan perkara ini juga telah dibangkitkan di Parlimen, maka pada 7 Mac 2019,

KPWKM melancarkan Kad OKU kepada OKU Pembelajaran yang akan menyatakan sub kategori sama ada Global Developmental Delay (**GDD**), **Sindrom Down**, **ADHD**, **Autisme**, **Intelektual** atau **Specific LD** di atas kad mereka.

7. Perubahan ini diharap akan memberi peluang kepada kanak-kanak OKU Pembelajaran mendapatkan intervensi dan pemulihan yang lebih khusus secara sistematik.

PROGRAM SANTUNI OKU

8. Sempena Program Santuni OKU pada hari ini, Kad OKU baru kepada anak-anak TASKA OKU SibU dan Penyampaian Geran Pengurusan TASKA OKU SibU akan disampaikan.
9. Kami memerlukan lebih banyak badan korporat yang komited untuk menyokong dan memberi lebih banyak bantuan dalam

menyediakan perkhidmatan pemulihan kepada golongan OKU terutamanya kanak-kanak.

10. Masyarakat juga perlu tampil memainkan peranan penting dalam membentuk persekitaran yang mesra OKU.

KERJASAMA STRATEGIK

11. Perkongsian bijak dan kerjasama strategik di antara jabatan, sektor korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela kebajikan dan masyarakat adalah selaras dengan slogan; “Kebajikan Tanggungjawab Bersama”.
12. Oleh itu, pusat Agape SibU ini merupakan antara contoh terbaik kerjasama strategik yang saya maksudkan.

PUSAT AGAPE SIBU

13. Pusat Agape Sibü (Agape Centre Sibü) dikendalikan oleh Persatuan Perkhidmatan Komuniti Sibü dan telah beroperasi sepenuhnya sejak Jun 2006. Ia dibina di atas sebidang tanah tiga dan setengah ekar.

14. Pusat Agape kini menempatkan 5 organisasi yang berlainan dalam perkhidmatan, pengurusan dan sokongan kewangan.
 - i. Agape Centre di bawah Sibü Community Services Association;
 - ii. Pemulihan Dalam Komuniti (Association for Children with Special Needs Sibü);
 - iii. Lau King Howe Memorial Children Clinic (Association for Children with Special Needs Sibü);
 - iv. Methodist Care Centre (Sarawak Chinese Annual Conference);
 - v. Sibü Autistic Association; dan
 - vi. Special Olympics Sarawak, Sibü Chapter

PENUTUP

15. Akhir kata, syabas dan tahniah sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan **Program Santuni OKU** pada hari ini.

16. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Santuni OKU di Sibul Sarawak**.

Sekian terima kasih.